

Warga UPMKB sertai Bengkel Pemerkasaan

BINTULU: Seramai 11 fasilitator dan lima staf Pejabat Pengurusan Pelajar Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menyertai Bengkel Pemerkasaan Fasilitator Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB) di Bilik Kuliah 2 Dewan Kuliah Pusat 1 UPMKB, baru-baru ini.

Difahamkan, bengkel selama dua hari itu bertujuan memperkasa kemahiran fasilitator dalam mengendalikan kursus kokurikulum berkredit di UPMKB sekali gus membantu pihak universiti dalam usaha meningkatkan kemahiran insaniah pelajar.

Menurut jurucakap penganjur Ellyn Sherra Rison, antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi suai kenal, pendedahan mengenai

prosedur pengurusan KKB, penulisan surat rasmi, protokol dan majlis rasmi.

“Peserta bengkel dipupuk untuk memahami konsep kokurikulum berkredit serta mengembangkan teknik-teknik yang berkesan dalam penyampaian maklumat kepada pelajar.

“Terutamanya dalam penulisan kertas kerja dan protokol bagi majlis rasmi yang sememangnya menjadi salah satu aspek utama dalam kelas kokurikulum berkredit,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pentadbir Pejabat Pengurusan Pelajar, Mohamad Syukri Mohamad Adnan berkata, bengkel tersebut merupakan langkah positif dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran



CERIA... Para peserta merakam gambar bersama Mohamad Syukri Mohamad Adnan (duduk, tengah).

di peringkat Universiti.

“Ia juga menunjukkan komitmen UPMKB dalam memperkasa fasilitator untuk menyokong pelaksanaan kursus kokurikulum

berkredit di UPMKB dengan lebih efektif,” katanya pada majlis penutupan program itu.

Ujarnya, bagi individu yang berminat dan berkelayakan untuk

menjadi fasilitator kursus ini boleh menghantar permohonan secara dalam talian dan tarikh tutup bagi permohonan adalah pada 31 Mei ini.